

Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U)**PANDUAN BAGI PEMASARAN MELALUI MEDIA SOSIAL, LAMAN WEB & BLOG DAN SOCIAL MESSAGING
APPLICATION****Program Sahabat Agro**

Program Sahabat Agro merupakan sebuah program pemasaran yang telah dilaksanakan oleh Agrobank bagi menggalakkan para pelanggan merujuk pelanggan baru kepada pihak Bank.

Bagi tujuan pemasaran program ini, pihak Agrobank amat komited untuk membantu para Ahli Sahabat Agro untuk mengembangkan rangkaian rujukan masing-masing. Kami amat berbesar hati untuk menawarkan peluang kepada para Ahli untuk menggunakan pelbagai saluran pemasaran termasuklah media sosial dan lain-lain bagi memasarkan program ini kepada orang ramai.

Untuk membantu Ahli memahami perkara yang digalakkan dan tidak digalakkan bagi tujuan pemasaran yang dimaksudkan, pihak Agrobank telah menyediakan satu panduan kepada Ahli. Sukacita dimaklumkan bahawa Ahli adalah terikat dengan peraturan di dalam panduan ini.

1. Syarat-syarat Utama

Syarat berikut perlu dipatuhi oleh semua Ahli Sahabat Agro untuk aktiviti promosi program ini :

- a. Segala isi kandungan termasuklah /dan tidak terhad kepada penulisan media sosial, penulisan laman web & blog dan penulisan *social messaging application* hendaklah dihantar untuk semakan kepada Unit Sahabat Agro sebelum dipaparkan atau dihebahkan dengan mengisi Borang Semakan Izi Kandungan Media Sosial, Laman Web & Blog dan Social Messaging Application ke alamat email (sahabat.agro@agrobank.com.my).
- b. Ahli dibenarkan untuk mempromosikan Program Sahabat Agro dan Agrobank secara amnya kepada orang ramai dengan syarat pengiklanan/pemasaran yang dilakukan adalah terhad kepada memuat naik pautan video, banners, atau sebarang maklumat pemasaran yang boleh didapati di dalam laman web Agrobank dan juga *Welcome Pack Sahabat Agro* atau sebarang material promosi yang telah dikeluarkan oleh pihak Agrobank sahaja. Sebarang promosi menggunakan maklumat yang tidak diluluskan oleh pihak Agrobank adalah dilarang sama sekali.
- c. Segala pernyataan atau testimoni hendaklah mematuhi Polisi dan Prosedur Program Sahabat Agro dan Polisi Agrobank.
- d. Program Sahabat Agro dan produk yang berkaitan yang dipasarkan melalui program ini tidak boleh dipasarkan atau dikaitkan dengan Program Multi-Level Marketing (MLM), skim cepat kaya, skim piramid dan sebagainya. Program ini juga tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana syarikat atau entiti yang menjalankan program MLM, skim cepat kaya, skim piramid dan sebagainya.
- e. Program Sahabat Agro dan pengiklanan program ini tidak boleh dipaparkan secara atas talian mahupun melalui *social messaging application* yang akan meyebabkan isu ketidakpatuhan kepada Polisi Program Sahabat Agro, Polisi Agrobank dan juga polisi yang terlibat dengan pihak yang mengawalselia Agrobank. Sebagai contoh, memaparkan kelebihan program Sahabat Agro sebagai memberikan pulangan melebihi daripada apa yang telah dipersetujui di dalam Terma dan Syarat Program Sahabat Agro (AgroPrimaS).
- f. Para Ahli hendaklah jujur dan amanah dalam memasarkan Program Sahabat Agro ini terutamanya yang berkaitan dengan ciri-ciri program dan juga Ganjaran yang ditawarkan kepada Ahli.
- g. Para Ahli hendaklah sentiasa memperkenalkan diri sebagai Ahli Sahabat Agro sahaja. Ahli dilarang memperkenalkan diri sebagai Wakil Rasmi Agrobank, Agen Program Sahabat Agro dan juga kakitangan Agrobank.
- h. Para Ahli juga tidak dibenarkan untuk menggunakan logo Agrobank dan logo Program Sahabat Agro sebagai gambar profil bagi media sosial, laman web & blog, dan *social messaging application* kerana boleh mengelirukan orang awam. Sekiranya ahli ingin menggunakan logo yang berkaitan dengan Program Sahabat Agro, Ahli hanya dibenarkan untuk menggunakan logo Ahli Sahabat Agro sahaja.
- i. Para Ahli tidak dibenarkan untuk meletakkan logo Agrobank sebagai *letterhead* poster kerana boleh mengelirukan orang awam.
- j. Ahli sama sekali dilarang mereka halaman/kumpulan/akaun di dalam media sosial, laman web & blog dan *social messaging application* menggunakan nama, trademarks atau jenama Agrobank.
- k. Ahli diminta untuk menggunakan terminologi yang sesuai dalam mempromosikan program Sahabat Agro di dalam media sosial, laman web & blog dan *social messaging application*. Sila rujuk Arahan/Tindakan Kepada Ahli Berkaitan Program Sahabat Agro di dalam laman web Agrobank untuk maklumat lanjut.

Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U)**Program Sahabat Agro**

- I. Ahli dilarang membuat penulisan/menghasilkan/berkongsi maklumat mengenai Program Sahabat Agro dan Agrobank secara amnya dengan niat untuk mendapatkan informasi pelanggan selaras dengan Akta Perlindungan Peribadi 2010 melainkan mendapat persetujuan pelanggan dan bagi kegunaan yang dibenarkan sahaja.
- m. Agrobank berhak untuk meminta Ahli untuk mengubah/ menambahbaik/ menukar/ menutup akaun/ halaman/ kumpulan /penulisan di dalam media sosial, laman web & blog dan *social messaging application* yang melibatkan Ahli sekiranya syarat-syarat di dalam panduan ini tidak dipatuhi oleh Ahli. Implikasi sekiranya Ahli gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan boleh dirujuk kepada item 5 (Implikasi Pelanggaran Syarat-syarat Pemasaran Program Sahabat Agro).

2. Media Sosial

Media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan LinkedIn antara contoh medium pemasaran yang menjadi pilihan ramai untuk berkongsi maklumat serta memasarkan produk kepada senarai kenalan. Pihak Agrobank menggalakkan para Ahli Sahabat Agro untuk menggunakan medium ini untuk mempromosikan Program Sahabat Agro dan juga Agrobank secara amnya. Walaubagaimanapun, berikut adalah garis panduan yang perlu dipatuhi oleh para Ahli iaitu;

- a. Tidak menggunakan nama 'Agrobank' atau sebarang nama yang hampir sama sebagai Nama Akaun (Account Name), Nama Kumpulan (Group Name), Nama Halaman (Page Name), Nama Perbincangan (Discussion Name) atau lain-lain item yang berkaitan Media Sosial yang disertai Ahli yang bakal menyebabkan kekeliruan di kalangan orang ramai.
- b. Ahli hendaklah memperkenalkan diri sebagai Ahli Sahabat Agro dan memaparkan nombor keahlian Ahli di bahagian maklumat atau *description* untuk rujukan pihak Agrobank.
- c. Halaman/akaun media sosial milik Ahli hendaklah secara jelas menyatakan bahawa halaman/akaun tersebut adalah dikemaskini oleh Ahli Program Sahabat Agro Agrobank dan bukanlah halaman/akaun rasmi Agrobank dan Program Sahabat Agro. Ahli Sahabat Agro hendaklah mempamerkan logo Ahli Sahabat Agro dan bukannya logo Agrobank dan mestilah secara jelas memaparkan nama Ahli dan nombor keahlian Sahabat Agro milik Ahli.
- d. Halaman/akaun media sosial milik Ahli hendaklah mempamerkan penafian atau *disclaimer* berikut di bahagian maklumat atau *description* menggunakan font yang jelas :

"Halaman/akaun media sosial ini adalah dimiliki dan dikendalikan oleh Ahli Program Sahabat Agro. Sebarang pendapat, tulisan, perkongsian atau maklumat yang dipaparkan di dalam halaman/akaun media sosial ini adalah dihasilkan oleh individu tersebut secara sukarela dan Ahli dipertanggungjawabkan ke atas sebarang implikasi yang timbul daripada halaman/akaun media sosial ini. Pihak Agrobank tidak bertanggungjawab di atas sebarang implikasi undang-undang yang bakal timbul di atas penulisan/pendapat/maklumat yang dipaparkan di dalam halaman/akaun media sosial ini dan maklumat yang terdapat di dalam halaman/akaun media sosial ini tidak mewakili pendapat daripada pihak Agrobank".

3. Laman Web dan Blog

Agrobank percaya bahawa Ahli Sahabat Agro akan menggunakan laman web dan blog bagi memasarkan Program Sahabat Agro kepada orang ramai. Para Ahli boleh menggunakan kaedah ini untuk memasarkan atau mempromosikan Sahabat Agro dan potensi Ganjaran yang ditawarkan dengan syarat polisi-polisi berikut dipatuhi oleh Ahli :

- a. Apabila Ahli memilih perkataan atau terma bagi nama domain, Ahli tidak dibenarkan untuk menggunakan perkataan "Agrobank", "Bank Pertanian Malaysia", "Sahabat Agro" atau sebarang perkataan atau terma yang hampir sama dan mengelirukan orang ramai yang menyamai entiti Agrobank seperti "agrobank.com".
- b. Ahli juga tidak boleh menggunakan terma yang melambangkan Ganjaran yang diperbesarkan, skim cepat kaya atau Multi-Level Marketing (MLM). Sebagai contoh "cepatkaya.com" atau memasukkan terma MLM di dalam domain seperti "SahabatAgroMLM.com".
- c. Laman web dan blog milik Ahli hendaklah secara jelas menyatakan bahawa laman tersebut adalah dikemaskini oleh Ahli Program Sahabat Agro Agrobank dan tidak boleh dipaparkan sebagai laman web korporat Agrobank. Ahli Sahabat Agro hendaklah mempamerkan logo Ahli Sahabat Agro dan bukannya logo Agrobank dan mestilah secara jelas memaparkan nama Ahli dan nombor keahlian Sahabat agro milik Ahli. Laman web dan blog milik Ahli hendaklah mempamerkan penafian atau *disclaimer* berikut pada setiap halaman

Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U)menggunakan *font* yang jelas :**Program Sahabat Agro**

"Laman web/blog ini adalah dimiliki dan dikendalikan oleh Ahli Program Sahabat Agro. Sebarang pendapat, tulisan, perkongsian atau maklumat yang dipaparkan di dalam laman web/blog ini adalah dihasilkan oleh individu tersebut secara sukarela dan Ahli dipertanggungjawabkan ke atas sebarang implikasi yang timbul daripada laman web ini. Pihak Agrobank tidak bertanggungjawab di atas sebarang implikasi undang-undang yang bakal timbul di atas penulisan/pendapat/maklumat yang dipaparkan di dalam laman web/blog ini dan maklumat yang terdapat di dalam laman web/blog ini tidak mewakili pendapat daripada pihak Agrobank".

- d. Ahli diminta untuk mengakses ke Laman Web Agrobank di bahagian Sahabat Agro untuk mendapatkan penafian atau *disclaimer* yang perlu dipaparkan di laman web dan blog milik Ahli. Penggunaan *font*, saiz huruf dan susunan penafian atau *disclaimer* adalah berdasarkan ketetapan pihak Agrobank.
- e. Pihak Agrobank berhak untuk memohon Ahli mengeluarkan perkataan 'Agrobank' daripada sebarang isi kandungan iklan atau tajuk iklan di dalam laman web dan blog milik Ahli sekiranya terdapat konflik di antara pengiklanan yang dilakukan dan juga kepentingan korporat Agrobank.

4. Social Messaging Application

Social Messaging Application seperti Whatsapp, Telegram, Wechat, Line dan BBM (Blackberry Messaging) antara contoh platform perkongsian maklumat yang menjadi pilihan kepada orang ramai untuk berkongsi dan memasarkan sebarang produk atau program kepada kenalan yang terdapat di dalam senarai *contact* mereka.

Pihak Agrobank tidak terkecuali menggalakkan para Ahli Sahabat Agro untuk menggunakan medium ini untuk mempromosikan Program Sahabat Agro dan juga Agrobank secara amnya. Walaubagaimanapun, penghasilan promosi/maklumat dan perkongsian yang ingin dilakukan oleh Ahli hendaklah mematuhi kriteria-kriteria seperti di bawah :

- a. Menggunakan sumber maklumat yang telah disahkan oleh pihak Agrobank sahaja.
- b. Tidak mempunyai unsur perkauman yang akan menyebabkan orang awam mengaitkan Program Sahabat agro dan Agrobank secara amnya hanya untuk sesuatu kaum sahaja.
- c. Tidak mengaitkan Program Sahabat Agro sebagai program berunsurkan MLM, skim cepat kaya, skim piramid dan sebagainya.
- d. Tidak mengaitkan Agrobank dan mana-mana kakitangan Agrobank mempunyai hubungan/memberi sokongan kepada mana-mana syarikat entiti yang menjalankan aktiviti MLM, skim cepat kaya, skim primaid dan sebagainya.
- e. Tidak menghasilkan mesej berbentuk provokasi kepada mana-mana individu atau entiti yang bakal memberi kesan negatif kepada program ini dan Agrobank secara amnya.
- f. Menerangkan secara jelas mengenai konsep yang digunakan di dalam program ini; Ahli dilarang menghasilkan atau menyebarkan mesej yang mengelirukan orang awam. Sebagai contoh, "Dengan hanya menyimpan RM 1,000 di Agrobank, Anda akan dapat RM 250,000 dalam masa setahun". Dalam contoh mesej tersebut tidak dinyatakan secara jelas bagaimana orang awam bakal memperolehi RM 250,000 tersebut melalui program ini.
- g. Mesej yang ingin dihasilkan atau disebarluaskan hendaklah secara jelas menyatakan bahawa semua transaksi yang melibatkan pengambilan deposit hanya boleh dilakukan melalui kaunter di cawangan-cawangan Agrobank sahaja. Ahli tidak dibenarkan untuk menghasilkan atau menyebarkan mesej yang mengambarkan pihak Agrobank memberikan kebenaran kepada Ahli untuk menjalankan aktiviti pengambilan deposit di luar premis Agrobank.

5. Implikasi Pelanggaran Syarat-syarat Pemasaran Program Sahabat Agro

Seperti yang telah dinyatakan di atas, Ahli Sahabat Agro yang ingin mempromosikan Program Sahabat Agro dan Agrobank secara amnya perlulah mematuhi segala syarat/kriteria/panduan yang telah ditetapkan oleh pihak agrobank.

Sekiranya Ahli gagal untuk mematuhi segala syarat/kriteria/panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank, maka pihak Bank akan mengambil tindakan-tindakan seperti di bawah :

Bank Pertanian Malaysia Berhad (811810-U)**Program Sahabat Agro**i. Menamatkan keahlian Ahli

Pihak Bank boleh menamatkan keahlian Ahli Sahabat Agro selaras dengan Terma dan Syarat Program Sahabat Agro (AgroPrimaS) yang telah dipersetujui oleh Ahli semasa mendaftar sebagai Ahli Sahabat Agro iaitu :

- Item 3.5 (i) – Pihak Bank boleh menamatkan/membatalkan keahlian secara automatik atas sebarang sebab jika Ahli gagal mematuhi Terma dan Syarat berikut :
- Gagal untuk bertindak jujur dan memberikan sebarang maklumat palsu kepada Bank; atau
 - Memberi gambaran secara salah mengenai Bank kepada mana-mana pihak yang terlibat atau berminat menyertai Program sahabat Agro; atau
 - Terlibat dengan sebarang aktiviti penipuan di bawah Program Sahabat Agro; atau
 - Gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian.
- ii. Bank akan mengambil tindakan kepada Ahli selaras dengan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi sebarang pelanggaran kepada undang-undang yang telah ditetapkan.